

Titah penting Sultan Selangor

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah sentiasa peka dan prihatin dengan isu dan permasalahan yang berlaku dalam negara khususnya di Selangor.

Sepanjang tahun 2019, baginda

banyak menzahirkan titah ucapan yang penting untuk diambil berat dan diberi perhatian oleh semua pihak termasuk rakyat jelata.

Moga setiap titah baginda itu dapat dimanfaatkan bagi menyejahterakan negeri Selangor dan Malaysia amnya.

3 Mac 2019

(Isu akidah)

"Penularan dan merebaknya ajaran-ajaran yang mencemar kesucian Islam ini bukan suatu perkara kecil dan boleh diambil ringan. Apa yang lebih membimbangkan beta ialah sebahagian daripada mereka mengambil pendekatan ekstrem yang boleh menggugat keselamatan negara."

18 Mac 2019

(Isu pencemaran sungai)

"Kerajaan Selangor perlu mempergiatkan kempen kesedaran menjaga kebersihan sungai yang menjadi sumber air di Selangor dalam usaha mendidik masyarakat. Jika perlu, undang-undang hendaklah dibuat untuk mengenakan hukuman yang berat kepada pesalah-pesalah yang mencemarkan sungai-sungai di Selangor."

26 Mac 2019

(Peranan SPRM)

"Pegawai-pegawai penyiasat SPRM hendaklah diberi kebebasan dengan kuasa yang ada untuk menjalankan tugas penyiasatan secara profesional tanpa arahan-arahan tertentu yang boleh mengganggu penyiasatan."

6 Mei 2019

(Manfaatkan Ramadan)

"Beta berharap sekalian rakyat memanfaatkan program-program agama yang dianjurkan, semoga Ramadan kali ini membawa seribu satu hikmah dan pengertian buat seluruh umat Islam."

30 Mei 2019

(Isu orang Melayu)

"Gejala perpecahan lebih diburukkan apabila terdapat segelintir pemimpin Melayu sendiri yang melemparkan cercaan dan sindiran terhadap bangsanya secara terbuka tanpa segen silu."

31 Ogos 2019

(Ucapan merdeka)

"Amalkan sikap toleransi dan berusaha untuk saling memahami serta meraikan perbezaan adat, budaya dan agama, supaya kita dapat terus hidup dalam suasana merdeka, dalam erti kata sebenar. Jangan percaya fitnah yang cuba gugat keamanan negara."

1 September 2019

(Ucapan Maal Hijrah)

"Umat Islam di Malaysia harus mengtepatikan semangat asabiyyah dan perasaan hasad dengki demi memastikan ukhuwah serta muafakat terus teguh."

23 Oktober 2019

(Isu zakat)

"Mereka yang menyelewengkan wang zakat adalah berdosa besar. Tindakan dan hukuman yang sewajarnya perlu diambil kepada mereka yang tidak amah dalam menguruskan zakat."

3 November 2019

(Isu orang asli)

"Beta berharap agar kepentingan orang asli sentiasa dipelihara dan tumpuan harus diberikan kepada pembangunan asas orang asli."

16 November 2019

(Kepada graduan UPM)

"Graduan perlu menyanjung tinggi perlembagaan dan undang-undang negara supaya bebas daripada salah laku yang boleh mencalarakan maruah keluarga, bangsa serta negara."

20 November 2019

(Isu jenayah seksual)

"Semua rakyat perlu menjauhkan diri daripada terlibat dengan jenayah seksual dan memelihara maruah ahli keluarga dengan baik selain memupuk sikap hormat terhadap kaum wanita serta kanak-kanak."



Sultan Sharafuddin menyempurnakan perasmian Masjid Al-Falah, Taman Tun Teja, Rawang.



Baginda berangkat ke Majlis Berbuka Puasa di Masjid Taman Seri Muda Seksyen 25, Shah Alam.



Sultan Sharafuddin dan Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin beramah mesra bersama penduduk orang asli di Pulau Carey.



SULTAN SHARAFUDDIN